

17/03/1998

Tidak perlu tubuh biro khas tangani Y2K

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan tidak merancang menubuhkan biro khas bagi menangani Masalah Tahun 2000 (Y2K) atau lebih dikenali sebagai Millenium Bug kerana sumber tenaga pakar dan kemudahan teknikal sedia ada mampu menangani masalah itu.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, berkata persoalannya sekarang bukan pembentukan biro seperti yang dicadangkan tetapi bagaimana mekanisme yang sudah diwujudkan mampu mengatasi masalah itu.

"Apa yang perlu sekarang ialah mengelakkan kemungkinan menubuhkan badan, agensi, jabatan atau biro yang tentunya memerlukan tambahan kakitangan dan kos operasi," katanya selepas merasmikan Seminar dan Bengkel Teknologi dan Pembangunan Masyarakat Madani: Pengalaman Media di sini, hari ini.

Seminar tiga hari itu dianjurkan Institut Pembangunan Komunikasi Asia (Aidcom) dengan kerjasama Agensi Pembangunan Antarabangsa Kanada (CIDA) dan Pusat Kerjasama dan Kajian Antarabangsa Kanada (CECI).

Turut serta ialah Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat) Unit Pemodenan Tadbiran Awam dan Perancangan Pengurusan (MAMPU), Prof Datuk Dr Anuar Maarof, Pensyarah Politeknik Ngee Ann, Singapura, Kalinga Seneviratne, Ketua Pengarang The New Straits Times, Datuk A Kadir Jasin, Ketua Biro Reuters (Malaysia dan Brunei), Nelson Graves dan Pengarang Eksekutif Bernama, Azman Ujang.

Leo Moggie berkata, kementerian mungkin membawa masuk pegawai dan kakitangan daripada jabatan lain untuk menjalankan tanggungjawab itu.

"Mereka boleh membantu kementerian mengawasi sektor swasta melaksanakan tanggungjawab mereka," katanya.

Beliau berkata, MAMPU dipertanggungjawab mengawasi, menyelia dan menyelaraskan setiap tindakan agensi kerajaan.

"Bagi syarikat swasta kerajaan dalam proses memperkenalkan mekanisme tertentu bagaimana syarikat boleh bertindak dan mengawasi sistem rangkaian perkomputeran mereka bagi menangani masalah Y2K," katanya.

Leo Moggie sebelum ini mengumumkan mekanisme khas bagi mengawasi setiap tindakan syarikat menangani Y2K. Salah satu yang dijangka dilaksanakan ialah syarikat perlu mendapatkan sijil bagi membuktikan mereka sudah melaksanakan tanggungjawab itu.

Masalah Y2K merujuk kepada ketidakupayaan komputer membaca tahun '00' sebagai tahun 2000 kerana angka itu juga melambangkan tahun 1900 dalam sistem dua angka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mempengerusikan mesyuarat keenam Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) Januari lalu, melahirkan kebimbangan berhubung kurangnya tindakan segera di kalangan syarikat kecil dan sederhana menangani masalah itu.

Ditanya mengenai sistem perkomputeran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Leo Moggie berkata, KLIA menggunakan sistem perkomputeran terbaru yang mempunyai standard 2000 Compliance bagi menangani masalah Y2K.

(END)